

# Animasi tempat berpotensi tinggi: TPM

BH-12/11/2020  
m/d: 9

Gabungan idea kreatif bakat muda hasilkan jalan cerita berkualiti

Oleh Saadiah Ismail  
saadiah\_ismail@bh.com.my

**Petaling Jaya:** Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menyifatkan potensi perfileman yang dihasilkan oleh syarikat produksi tempatan kini berada pada tahap terbaik dan boleh dibawa sehingga ke

peringkat antarabangsa.

Timbalan Perdana Menteri berkata, lebih-lebih lagi apabila ia dikembangkan dengan idea kreativiti dan bakat dari anak muda, menjadikan kualitinya semakin bagus serta perjalanan ceritanya turut menarik perhatian segenap lapisan masyarakat.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Media Prima Berhad (MPB) dan Wau Animation kerana kejayaannya dalam menaikkan filem animasi *Ejen Ali The Movie* sehingga ditayangkan ke beberapa negara.

“Dua syarikat produksi tempatan ini mampu menghasilkan karya setanding filem animasi antarabangsa sambil menerapkan



Dr Wan Azizah bersama Anwar serta Syed Hussian, Kamal dan Ahmad Izham pada tayangan istimewa *Ejen Ali The Movie* di Mutiara Damansara, semalam.  
(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

nilai murni untuk dijadikan inspirasi dan teladan kepada setiap orang.

“Daripada lima mata, saya berikan 4.5 mata keseluruhannya,” katanya ketika ditemui selepas menyaksikan tayangan khas filem animasi *Ejen Ali The Movie*, dekat sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim; Pengerusi Kumpulan MPB, Datuk Dr Syed Hussian Aljunid; Pengarah Urusan Kumpulan MPB, Datuk Kamal Khalid; Pengarah Eksekutif Kumpulan, Datuk Iskandar Mizal Mahmood dan Ketua Pegawai Eksekutif Primeworks Studios, Datuk Ahmad Izham Omar.

Pada tayangan itu juga, seramai 50 kanak-kanak dari Taman Sinar Harapan, Cheras diberi peluang menonton bersama-sama.

Sementara itu, Ahmad Izham berkata, beliau bersyukur dengan sokongan yang ditunjukkan oleh Timbalan Perdana Menteri terhadap industri perfileman tempatan.

“Malah atas inisiatif beliau juga untuk membawa kanak-kanak kurang bernasib baik menonton bersama-samanya sehingga filem berkenaan tamat,” katanya.

Jelasnya lagi, filem animasi *Ejen Ali The Movie* berjaya melepasi sasaran jumlah kutipan yang kini mencecah RM30 juta dalam tempoh tujuh minggu dita-

yangkan sekali gus menjadikan ia filem animasi terlaris yang ditayangkan pada tahun lalu.

“Pada awalnya saya tidak menjangkakan akan memperoleh kutipan ini memandangkan ia berdepan dengan filem antarabangsa lain seperti *Frozen*, *Jumanji: The Next Level*, *Star Wars* dan *Ip Man 4: The Finale*, namun sambutan diberi luar jangkauan.

“Kini *Ejen Ali The Movie* sudah ditayangkan di empat negara iaitu Indonesia, Brunei, Singapura dan negara kita sendiri. Secara tidak langsung ia menjadi titik permulaan bahawa filem animasi atau tempatan di negara kita masih lagi kuat,” katanya.